

Naib Canselor

UMS terima anugerah Buku

Negara 2014

DE 12.12.2014 B

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah hari ini diumumkan sebagai pemenang anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Teknikal) pada Majlis Anugerah Buku Negara 2014.

UMS dalam satu kenyataan berakata anugerah tersebut diterjemahkan melalui buku tulisan beliau yang bertajuk *Principles in Water Analysis for Environmental Science* yang diterbitkan Penerbit UMS.

Majlis penyampaian anugerah disampaikan mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi pada majlis yang berlangsung di Dewan Tun Hussein Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Buku yang mempunyai ketebalan sebanyak 83 muka surat itu adalah berkisarkan tentang prinsip-prinsip pengukuran dan analisis makmal serta prosedur asas menjalankan pelbagai ujian yang memfokuskan beberapa parameter kualiti air.

Pada majlis itu, sebuah lagi buku UMS turut diumumkan sebagai pemenang anugerah Buku Umum Terbaik (Kategori Sains) melalui buku bertajuk *Atmosphere and Ocean: An Introduction to Marine Science*.

Buku terbitan Penerbit UMS itu dihasilkan kumpulan pensyarah dan penyelidik Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) UMS yang terdiri daripada iaitu Than H. Aung, Madihah Jafar Sidik, Dr. Ejria Saleh dan Muhammad Ali S. Hussein.

Menurut kenyataan itu, majlis penganugerahan buku yang berlangsung sempena Ekspo Buku Malaysia 2014 dinilai Panel Penilai Profesional Anugerah Buku Negara yang dipengerusikan Ketua 1 Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Profesor Datuk Wira Dr Abdul Latif Abu Bakar. – Bernama